my Metro RASAI BERITA SEBENAR

Ricoh perkenal model kerja hibrid

Raja Noraina Raja Rahim

rnoraina@hmetro.com.my

PENGARAH Urusan Wilayah Ricoh, Joki Tokunaga (kanan) dan Lee pada pelancaran Smart and Hybrid Workplace Ricoh.

Shah Alam: Model kerja hibrid yang menggabungkan pejabat dan kerja di rumah menjadi norma baharu di Malaysia dan dijangka diteruskan selepas endemik Covid-19.

Pengarah Urusan Ricoh (Malaysia) Sdn Bhd (Ricoh) Alice Lee berkata, ini seiring dengan transformasi teknologi digital.

Beliau berkata, Ricoh mempunyai reputasi antarabangsa yang kukuh untuk menyediakan pengurusan maklumat dan teknologi digital canggih.

"Reka bentuk teknologi termaju Ricoh membolehkan model kerja hibrid, mesra pekerja, aliran kerja yang lancar dan infrastruktur teknologi maklumat (IC) yang berdaya tahan dengan keupayaan pencegahan serangan siber.

"Falsafah kami sentiasa memberi tumpuan kepada masyarakat dan negara, sambil mempromosikan masyarakat ekologi dengan inovasi teknologi alam sekitar yang progresif untuk memacu kemampanan demi manfaat semua, selaras Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)," katanya.

Beliau berkata demikian ketika pelancaran Smart and Hybrid Workplace Ricoh di sini, semalam.

Tempat kerja baharu itu menggunakan objektif hijau bagi melaksanakan amalan alam sekitar terbaik di tempat kerja.

"Konsep tempat kerja baharu baru yang diperkenalkan Ricoh menyepadukan matlamat ESG iaitu persekitaran, sosial dan tadbir urus untuk menyokong alam sekitar selamat serta memupuk budaya digital," katanya.

Katanya, Ricoh mengalu-alukan kerjasama rakan kongsi utama, pelanggan dan pelabur untuk mengubah tempat kerja konvensional sedia ada menjadi pintar dan persekitaran hibrid, sambil menyumbang kepada masa depan yang mampan.

Ia menjadi komponen penting dalam strategi korporat Ricoh untuk mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 63 peratus menjelang 2030 dan mencapai neutral karbon menjelang 2050.

Disiarkan pada: November 12, 2022 @ 7:00am